

Sidang Kemuncak ASEAN titik perluasan kerjasama 3 hala

- Keupayaan diplomatik dan pengalaman hubungan dua hala dengan China menambah kredibiliti Malaysia sebagai pemimpin serantau

- Sidang kemuncak ini menandakan permulaan kerjasama strategik antara tiga kuasa ekonomi utama dunia untuk menangani cabaran global secara bersama



Pensyarah Kanan
Pusat Pengajian
Ekonomi, Wang dan
Bank, Universiti
Utara Malaysia

Olieh Dr Abu Sufian Abu Bakar
bhrencana@bh.com.my

Penganjuran Sidang Kemuncak Tiga Hala ASEAN-Majlis Kerjasama Teluk (GCC)-China di ibu negara minggu lalu menandakan detik penting dalam sejarah hubungan antarabangsa serantau.

Buat julung kali, tiga blok ekonomi paling dinamik dunia iaitu ASEAN, GCC dan China berhimpun dalam satu platform formal untuk membina rangka kerjasama strategik menyeluruh, responsif dan berorientasikan masa depan.

Sidang ini bukan sekadar simbol diplomasi tinggi, tetapi mencerminkan keupayaan Malaysia sebagai pemimpin serantau untuk menerajui agenda besar membabitkan kepentingan geopolitik dan ekonomi global.

Sebagai tuan rumah dan Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia memanfaatkan kedudukannya yang strategik dan pengaruh diplomatiknya untuk mempertemukan pelbagai kepentingan dalam satu visi bersama membina pakatan tangkas, saling melengkap dan bersifat lestari.

Pengalaman luas negara dalam menjalin hubungan dua hala dengan China sejak 1974, serta sokongan aktif terhadap pengukuhan kerjasama ASEAN-GCC dalam bidang tenaga, industri halal dan pelabuhan infrastruktur, memberi legitimasi dan kredibiliti kepada peranan Malaysia sebagai pengantara berwibawa.

Lebih daripada itu, sidang ini menggambarkan keberanian Malaysia mengangkat suara Asia Tenggara bukan sebagai pemerhati pasif dalam geopolitik dunia, tetapi pemacu kerjasama pelbagai hala yang mampu mencorakkan arah pembangunan serantau dan global.

Dalam suasana pascapandemik yang menuntut kebersamaan dan kecekapan, Malaysia tampil sebagai peneraju dialog mengutamakan keseimbangan antara kepentingan ekonomi, kemampanan sosial dan kestabilan politik, sekali gus meletakkan negara pada kedudukan strategik membentuk masa depan rantau ini.

Malaysia di barisan hadapan diplomasi serantau

Dalam landskap serantau semakin kompleks, Malaysia tampil bukan sekadar sebagai penganjur Sidang Kemuncak Tiga Hala ASEAN-GCC-China, tetapi sebagai peneraju kepada cetusan idea dan hala tuju baharu bagi kerjasama antara tiga blok strategik ini.

Dengan menjawat peranan sebagai Pengerusi ASEAN 2025, Malaysia menggunakan pentas antarabangsa ini untuk menterjemahkan keupayaan diplomatiknya ke dalam tindakan nyata, menghubungkan pelbagai kepentingan negara anggota kepada satu matlamat bersama berteraskan kestabilan, kesejahteraan dan kemajuan kolektif.

Melalui kepemimpinan berteraskan dialog terbuka dan nilai saling menghormati, Malaysia berjaya membuka ruang perbincangan rentas wilayah lebih konstruktif, menyelaras perbezaan dasar serta merapatkan jurang pembangunan antara Asia Tenggara, Asia Barat dan China.

Peranan aktif ini menunjukkan Malaysia tidak

hanya menyesuaikan diri dalam susun atur serantau baharu, tetapi turut mencorak dan membentuk hala tuju. Keupayaan Malaysia menampilkan model kepimpinan diplomatik yang inklusif dan progresif menjadikan negara ini sebagai rujukan dalam seni mengurus kepelbagaian kepentingan di tengah-tengah ketidakpastian global.

Ekonomi inklusif dan kestabilan serantau

Sidang Kemuncak ASEAN-GCC-China membawa bersama satu semangat baharu, kesediaan membina masa depan serantau berlandaskan keadilan ekonomi dan kestabilan bersama.

Buat julung kali, tiga kuasa wilayah berbeza latar geopolitik dan ekonomi bersetuju untuk menyatakan pendekatan mereka terhadap cabaran global semakin kompleks.

Bermula ketegangan kuasa besar di Indo-Pasifik, kemelut di Asia Barat hingga kepada perubahan iklim tidak mengenal sempadan, ketiga-tiga pihak menzahirkan komitmen untuk mencari penyelesaian bersama melalui pendekatan inklusif dan berpaksaan nilai keamanan.

Lebih daripada sekadar menangani risiko jangka pendek, sidang ini mencerminkan usaha serius untuk membentuk sistem serantau lebih tahan uji, kestabilan politik tidak lagi bergantung semata-mata kepada kekuatan ketenteraan atau pakatan tradisional, tetapi turut dibina melalui jaringan ekonomi adil, saling pergantungan sihat dan kepercayaan rentas budaya.

Inisiatif ini memberi nafas baharu kepada cita-cita jangka panjang untuk menjadikan Asia sebagai pusat pertumbuhan inklusif, aman dan lestari berteraskan kerjasama strategik dan bukannya persaingan berpecah.

Malaysia-China ke arah kerjasama strategik baharu

Pertemuan antara Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Premier China, Li Qiang, ketika sidang kemuncak itu mencerminkan lonjakan baharu dalam hubungan dua hala semakin matang dan berorientasikan masa depan.

Perbincangan antara kedua-dua pemimpin berlangsung dalam suasana penuh keyakinan, menyentuh pelbagai bidang kerjasama bernilai strategik yang mampu memacu transformasi ekonomi Malaysia dan rantau sekitarnya.

Antara tumpuan utama ialah peluasan projek



berimpak tinggi seperti Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) yang menghubungkan pelabuhan dan pusat perdagangan utama, di samping usaha memperkasa teknologi canggih serta logistik mampan menjadi tulang belakang pertumbuhan jangka panjang.

Kerjasama dalam pembangunan industri halal turut mendapat perhatian, memandangkan permintaan global semakin meningkat terhadap produk halal berkualiti tinggi, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai hab utama dalam ekosistem ini.

Selain aspek ekonomi, isu keselamatan dan diplomasi serantau turut dibincangkan secara terbuka, termasuk perkembangan di Laut China Selatan serta rundingan Protokol Peningkatan Perjanjian Perdagangan Bebas ASEAN-China (ACFTA).

Pendekatan Malaysia berhemah dan terbuka menjadikan negara ini penghubung penting dalam menyelaraskan kepentingan strategik antara Asia Barat dan Asia Tenggara, membina jambatan kerjasama yang stabil di tengah arus ketegangan global.

Memacu pembaharuan serantau

Gabungan ASEAN, GCC dan China kini muncul sebagai kuasa ekonomi baharu yang bukan sahaja menyumbangkan hampir AS\$25 trilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global, tetapi turut membentuk ekosistem kerjasama rentas wilayah berpotensi mentransformasi rantau Asia secara menyeluruh.

Sidang kemuncak ini memperlihatkan anjakan paradigma signifikan, daripada pendekatan dagang konvensional kepada strategi bersepadu yang merangkumi perdagangan rentas benua, pembangunan infrastruktur mampan, bandar pintar dan tenaga hijau.

Lebih daripada sekadar kerjasama ekonomi, pakatan tiga hala ini turut mengangkat suara Global Selatan dengan lantang dalam isu global seperti perubahan iklim, ketidaksamarataan pembangunan dan keperluan pembaharuan dalam sistem kewangan antarabangsa.

Ia membuka ruang kepada negara membangun untuk menyuarakan kepentingan mereka dengan lebih tegas dan setara. Dalam konteks ini, Malaysia memainkan peranan penting bukan sahaja sebagai pemudah cara diplomatik, tetapi juga sebagai simbol kekuatan serantau.



(Foto BERNAMA)